AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 04/04/2013

MS : 36



HARIAN METRO 04/04/2013

# SPA isi 80,442 kekosongan

## 14,257 kakitangan awam baru sudah diambil sepanjang Januari hingga Mac lalu

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melantik 14,257 kakitangan awam bagi mengisi 80,442 kekosongan jawatan sepanjang Januari hingga Mac lalu.

Pengerusi SPA Tan Sri Mahmood Adam berkata, pihaknya akan membuat pelantikan bagi mengisi kekosongan sebanyak 66,185 jawatan dalam perkhidmatan awam di pelbagai kementerian, agensi dan jabatan.

"Sebelum ini, kita mengumumkan lebih 60,000 jawatan baru akan diisi pada tahun ini, namun selepas perjumpaan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri termasuk polis, tentera, guru dan kehakiman mendapati sebanyak 80,442 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam.

"Jumlah ini berkemungkinan akan bertambah selepas perjumpaan bersama pihak kementerian dan jabatan pagi tadi (semalam)," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Tahunan SPA dengan pihak kementerian serta jabatan pentadbiran negeri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Mahmood berkata, daripada 14,257 kakitangan awam yang dilantik, sebanyak 7,043 adalah pelantikan tetap manakala 7,214 lagi kontrak.

"Lebih 1.4 juta permohonan diterima daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera (Sabah dan Sarawak) dan lain-lain kaum sepanjang Januari hingga Mac lalu. Daripada jumlah permohonan itu, sebanyak 30,803 calon dipanggil temu duga dan 22,452 calon hadir.

"Jumlah permohonan bagi perkhidmatan awam meningkat kali pertama berbanding permohonan tiga tahun lalu iaitu secara purata 1.2 juta permohonan. Antara faktor peningkatan permohonan ini kemungkinan ada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memohon terutama bagi mengikuti latihan praperkhidmatan sebagai jururawat, pembantu perubatan dan pembantu farmasi," katanya.

Beliau berkata, pada 13 April lalu, pihaknya mengadakan peperiksaan khas skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M41.

"Seramai 61,853 calon dipanggil menduduki peperiksaan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 04/04/2013

MS : 04/04/2013



SINAR HARIAN M/S 16 04/04/2013

# SPA lantik 14,257 calon isi pelbagai jawatan

**PUTRAJAYA** - Seramai 14,257 calon dilantik mengisi pelbagai jawatan tetap dan kontrak dalam perkhidmatan awam sejak Januari hingga Mac lalu, kata Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam.

Katanya, daripada jumlah itu, 7,043 dilantik sebagai petugas tetap manakala 7,214 petugas bertaraf kontrak.

Beliau berkata, SPA menerima lebih 1.4 juta permohonan bagi jawatan tetap dengan pecahan masing-masing 1.1 juta Melayu, Cina (24,491), India (44,380), Bumiputera Sabah dan Sarawak (218,622) serta kaum lain (27,008).

"Ia merupakan angka tertinggi berbanding tahun-tahun sebelum ini. Ini jelas bahawa ramai belia terutamanya kaum Cina dan India menunjukkan minat bekerja dalam sektor awam yang bukan sahaja menjanjikan pelbagai kemudahan, bahkan gaji yang lebih baik," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat dengan kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri, semalam.

Mahmood Adam berkata, dengan pengisian itu, masih terdapat 66,185 jawatan kosong belum diisi sebelum hujung tahun ini daripada jumlah keseluruhan 80,442 jawatan ditawarkan.

Katanya, mesyuarat semalam juga meluluskan pengesahan jawatan bagi 4,622 penjawat awam, pemberian taraf pencen kepada 4,029 petugas, pelanjutan tempoh percubaan kepada 471 orang dan penamatan perkhidmatan terhadap 55 petugas.

Turut diputuskan ialah 24 kes tindakan tatatertib, 237 kes rayuan tatatertib dan 21 kes rayuan naik pangkat.

Menurutnya, pada 13 April ini, SPA akan mengadakan peperiksaan khas memasuki skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) gred M41 melibatkan seramai 61,853 calon. - Bernama

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 04.04.2013**

**MS : 16**

● Bakal diisi sepanjang tahun ● Jumlah mungkin meningkat

um m/s 16 04.04.2013

# 80,442 kekosongan jawatan – SPA


**Oleh NAZMIL NASIRUDDIN**
pengarang@utusan.com.my


**PUTRAJAYA** 3 April - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan hampir 80,442 kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam bakal diisi sepanjang tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, jumlah itu diperoleh berdasarkan sesi pertemuan SPA dengan suruhanjaya perkhidmatan negeri, polis, kehakiman dan guru pada minggu lepas.

Katanya, melalui pertemuan itu terdapat pertambahan kekosongan pelbagai jawatan sama ada secara lantikan tetap dan kontrak yang perlu diisi di pelbagai peringkat jabatan.

"Sebelum ini kita ada umumkan terdapat 60,000 jawatan kosong perlu diisi dan selepas pertemuan dijalankan jumlahnya mengalami pertambahan.

"Mungkin juga akan bertambah lagi selepas pertemuan hari ini, kita mahukan maklumat lanjut dalam masa seminggu ini," katanya.



MAHMOOD ADAM

> Sebelum ini kita ada umumkan terdapat 60,000 jawatan kosong perlu diisi dan selepas pertemuan dijalankan jumlahnya mengalami pertambahan
>
> MAHMOOD ADAM
> Pengerusi SPA

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Mesyuarat Tahunan SPA dengan kementerian, jabatan pentadbiran negeri di bawah kuasa suruhanjaya itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Sementara itu, Mahmood berkata, SPA telah melantik seramai 14,257 pegawai dalam perkhidmatan awam persekutuan bagi tempoh Januari sehingga Mac tahun ini.

Katanya, sepanjang tempoh tersebut, suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak 12 kali selain mengendalikan pelbagai bidang tugas.

Bagi lantikan mengikut kaum, katanya, daripada hampir 1.4 juta jumlah permohonan, kaum Cina menunjukkan peratus tertinggi iaitu sebanyak 54.28 peratus, diikuti India 43.76 peratus dan Melayu 28.62 peratus.

"Selebihnya Bumiputera di Sabah dan Sarawak sebanyak 39.91 peratus serta 35.97 peratus daripada kaum lain-lain," katanya.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

TARIKH : 04/04/2013

MS : 34



# 80,000 govt posts to be filled

**CIVIL SERVICE:** Only 14,257 vacancies filled in first three months

KOI KYE LEE
PUTRAJAYA
kklee@nst.com.my

THERE were 80,442 posts in the civil service that had to be filled at the beginning of the year, said Public Services Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam.

These positions were in various departments and agencies, he added.

However, 14,257 officers were appointed to fill the vacancies in the first three months of the year, he said after chairing a meeting with government departments and agencies yesterday.

He said of the 14,257 officers appointed, 7,043 were permanent staff and 7,214 contract workers.

The PSC received 1.4 million applications between January and last month, and out of these, 30,803 applicants were called for interviews, but only 22,452 turned up.

He also said PSC would hold a special examination on April 13 for candidates applying for the diplomatic and administrative officers (PTD) grade M41 scheme.

"A total of 61,853 candidates have been called to sit for the examination and 3,404 candidates have been exempted from it as they have passed the examination, which is valid for five years."

He said the candidates who had passed the examination would be called to the assessment centre for an interview before being appointed as PTD cadets.

"The cadets would then have to undergo a year-long course at the National Institute of Public Administration before being permanently appointed."

AKHBAR : THE CHINA PRESS

TARIKH : 04/04/2013

MS : 14

China Press m/s 14 4/4/13

# 公共服務委員會
# 3個月錄取逾萬公僕

（布城3日讯）公共服务委员会丹斯里马末阿当指出，该会过去3个月共录取1万4257名正式及合约公务员，填补各政府部门共8万442个部分空缺。

他说，在同时期共有145万8679人申请成为公务员，该委员会召3万803人前往面试，仅2万2452人出席，最终录取其中7043人成为正式公务员。

“而过去3个月被录取的合约公务员共7214人，这是过去3年来最高申请率的一年。”

马末阿当今日出席公共服务委员会例常会议后，在记者会上这样指出。

他说，本月13日共有6万1853申请参加行政与外交官（M41）级特别考试，其中3404申请者可免于参加该项考试，上述考生一旦及格就会受召前往面试。

“另外，在本月中将有4万9152申请者受召前往参加（N27）面试，以填补100个现有空缺及1000个候备空缺。”

他说，公共服务委员会关注和提供捐款给沙巴拿笃阵亡或殉职军警的家属，该会也会确保根据这些家属的学术资格，安排适合他们的公务员空缺。

阿末阿当也是司法及法律服务委员会（SPKP）主席，目前共委任74名L41级法律官员，其中62人正式投入服务。

| | |
|---|---|
| 1）录取 | 14,257人 |
| —7,043名正式公务员 | |
| —7,214名合约公务员 | |
| 2）已投入服务 | 4,622人 |
| 3）退休公务员 | 4,092人 |
| 4）延长试用期 | 471人 |
| 5）停止服务公务员 | 55人 |
| 6）纪律对付 | 24宗 |
| 7）纪律对付上诉 | 237宗 |
| 8）升级上诉 | 21宗 |

**2013年1月至3月申請成為公務員數據**

| 种族 | 申请 | 受召面试 | 出席面试 | 录取 | 出席和录取（%） |
|---|---|---|---|---|---|
| 巫裔 | 1,144,178 | 24,846 | 18,032 | 5,160 | 28.62 |
| 华裔 | 24,491 | 1,130 | 689 | 374 | 54.28 |
| 印裔 | 44,380 | 1,350 | 921 | 403 | 43.76 |
| 沙巴及砂拉越 | 218,622 | 2,877 | 2,418 | 965 | 39.91 |
| 其他 | 27,008 | 600 | 392 | 141 | 35.97 |
| 总数 | 1,458,679 | 30,803 | 22,452 | 7,043 | |

**AKHBAR : ORIENTAL DAILY NEWS**

**TARIKH : 04/04/2013**

**MS : A15**

東方日報 • 全国新闻 ORIENTAL DAILY NEWS 04/04/2013 M/S A15

# 今年首3个月 百万人争铁饭碗

（布城3日讯）今年首三个月有逾145万民众申请当公务员，不过目前的8万442个公务员空缺中，公共服务委员会只聘请了1万4257人填补。

该委员会主席丹斯里玛目阿当表示，在这1万4257名中，7043人是正式公务员，另7214人是合约公务员。

他说，该委员会在今年首3个月共接获145万8679份公务员申请，人数之众是过去3年来最高。

他指出，该委员会在这段期间也面试3万803名申请者，共有2万2452人出席面试，当中共有7043人受聘。

「当中华裔申请者2万4491人，被传召面试者共1130人，但只有689人来面试，最后共有374人受聘，聘用率占54.28%。」

**2013年1月至3月公务员申请与录用情况**

| 族群 | 申请者 | 获面试者 | 出席面试者 | 受委者 | 比例（%） |
|---|---|---|---|---|---|
| 巫裔 | 114万4178 | 2万4846 | 1万8032 | 5160 | 28.62 |
| 华裔 | 2万4491 | 1130 | 689 | 374 | 54.28 |
| 印裔 | 4万4380 | 1350 | 921 | 403 | 43.76 |
| 东马土著 | 1万8622 | 2877 | 2418 | 965 | 39.91 |
| 其他 | 2万7008 | 600 | 392 | 141 | 35.97 |
| 总数 | 145万8679 | 3万803 | 2万2452 | | |

玛目阿当今日出席部门会议后说，在今年首3个月中，已有4622名新人已上班，其他人事变动包括4029人退休，55人离职，另471人被延长试用期。

## 公仆达140万人

他指出，该委员会在这段期间也处理了24宗纪律案件，触犯的纪律问题多数是旷职，案例达80%，所面对处分为警告及革职。

「当中也包括237宗行为上诉案件及21宗升职上诉案。」

他说，全国目前有140万名公务员，包括军警、各政府部门及州政府。

玛目阿当也指出，公共服务委员会将在4月13日举行行政及外交官员（PTD）服务计划特别考试，共有6万1853人应考，而3404人则无需参与考试。

他续说，该委员会也将在4月面试N27等级行政助理官员职位的申请者，共有4万9152人将被传召填补各部门100个现有空缺及1000个后备空缺。

## 关照殉职警员孩子

他说，该委员会将为在拿笃冲突的殉职警员遗眷筹款，也会评估殉职警员孩子的学术资格，让他们有机会进入公共服务领域工作。

也是司法及法律服务委员会主席的玛目阿当说，该委员会也委任了74名L41等级法律官员，其中62人正式投入服务。

AKHBAR : NANYANG SIANG PAU

TARIKH : 04/04/2013

MS : A14



## 申请当公务员人数创新高

# 145万人抢"铁饭碗"

（布城3日讯）短短三个月，百万人争抢"铁饭碗"！

从今年1月至3月，各族申请公务员的人数打破了历年纪录，共有145万8679人争抢1万多个空缺。

**华裔录取率达54%**

当中，巫裔的申请人数共114万4178名，被通知面试共2万4846人，出席面试人数1万8032，面试后录取率28.62%共5160人。

华裔的申请人数2万4491名，被通知面试1130人，参与面试689人，成功录取人数374，面试后的录取率是54.28%。

大马公共服务委员会主席马目阿当今早主持大马公共服务委员会的常月会议后，在记者会上这么说。

目前，全国共有140万名公务员，包括军警及地方政府官员在内。

马目说，在所填补的1万4257人中，7043为正式公务员，7214合约员工。

他说，今年各政府部门总共有8万0442个职位空缺，至今已填补1万4000个。

"这么多人申请加入公共服务领域，原因可能是收入固定、良好工作环境及政府发给公务员的各项补贴。

**今年1月至3月，各族申请公务员数据**

| 种族 | 申请人数 | 被通知面试人数 | 出席面试 | 录取人数 | 录取率 |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 马来人 | 1,144,178 | 24,846 | 18,032 | 5,160 | 28.62% |
| 2 华裔 | 24,491 | 1,130 | 689 | 374 | 54.28% |
| 3 印裔 | 44,380 | 1,350 | 921 | 403 | 43.76% |
| 4 土著（沙巴及砂拉越） | 218,622 | 2,877 | 2,418 | 965 | 39.91% |
| 5 其他 | 27,008 | 600 | 392 | 141 | 35.97% |
| 总数 | 1,458,679 | 30,803 | 22,452 | 7,043 | |

**<u>TERJEMAHAN ORIENTAL DAILY NEWS</u>**

**BERATUS RIBU ORANG BERSAING UNTUK BEKERJA UNTUK KERJAAN TIGA BULAN AWAL TAHUN INI**

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam menyatakan bahawa di antara 14,257 pemohon kakitangan kerajaan, 7,043 orang merupakan lantikan tetap dan 7,214 orang lagi lantikan kontrak. Beliau mengatakan bahawa sepanjang tiga bulan awal tahun ini S.P.A telah menerima sebanyak 1,458,679 permohonan dan mencatat bilangan yang paling tinggi sejak tiga tahun yang lepas.

Beliau mengatakan S.P.A telah menemu duga 30,840 calon dalam tempoh ini dan di antara 22,452 orang yang menghadiri temu duga , sebanyak 7,043 orang telah berjaya menjawat pekerjaan yang dipohon. Di antara 24,491 pemohon kaum Cina, sebanyak 1,130 orang telah dipanggil untuk temuduga, 689 orang yang menghadiri temu duga dan 374 orang berjaya dilantik mencatatkan kadar berjaya sebanyak 54.28%.

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam selepas menghadiri mesyuarat, seramai 4622 orang telah mulai kerja, dan sebanyak 4029 orang bersara dan 55 meletakkan jawatan dan 471 orang dilanjutkan tempoh percubaan sepanjang 3 bulan tahun ini.Beliau juga mengatakan bahawa dalam tempoh ini S.P.A telah menguruskan 24 kes disiplin yang kebanyakan melibatkan ponteng kerja (80%) di mana mereka akan menerima hukuman amaran atau dibuang kerja.

Menurut beliau, di negara kita mempunyai 1.4 juta kakitangan kerajaan antaranya termasuklah tentera, pekerja kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga akan mengadakan peperiksaan khas PTD pada 13 April ini, sebanyak 61,853 orang menduduki peperiksaan dan 3,404 tidak perlu menduduki peperikasaan.

Pada bulan April ini juga S.P.A akan mengadakan temuduga penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dan 49,152 akan dipanggil untuk menjawat 100 kekosongan dan 1000 simpanan. Beliau juga mengatakan bahawa S.P.A akan memberikan bantuan kewangan dan membantu anak-anak wira Lahad Datu yang terkorban untuk bekerja dengan kerajaan jika mereka memenuhi syarat.

Beliau juga mengatakan S.P.A telah melantik 74 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41 dan 62 orang telah mula berkhidmat.

## TERJEMAHAN NANYANG SIANG PAU

## BILANGAN PEMOHON JAWATAN KERAJAAN MENCATAT PENINGKATAN

Sepanjang tiga bulan yang lepas, beratus ribu orang bersaing untuk bekerja dengan kerajaan. Sejak tiga bulan yang lepas, pemohon daripada pelbagai kaum telah memecah rekod sebelumnya iaitu mencatat peningkatan yang baru. Sebanyak 1,458,679 orang bersaing untuk merebut lebih 10 ribu kekosongan.

**Kadar pengambilan kaum Cina mencatat 54%**

Kaum Melayu yang memohon adalah 1,144,178 orang dan sebanyak 24,846 orang dipanggil untuk temuduga, 18,032 orang menghadiri temu duga dan 5,160 berjaya menjawat jawatan mencatatkan peratus kadar pengambilan ialah 28.62%.

Sebanyak 24,491 orang Cina memohon dan 1,130 orang dipanggil untuk temuduga, 689 orang menghadiri temu duga dan yang berjaya ialah 374 orang mencatatkan kadar pengambilan ialah 54.28%.

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam menyatakan bahawa negara kita mempunyai 1.4 juta orang kakitangan kerajaan antaranya termasuklah tentera, pekerja kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Antara jawatan kosong yang dipenuhi, 14,257 ialah lantikan tetap dan 7,214 ialah secara lantikan kontrak.

Beliau juga mengatakan bahawa terdapat sebanyak 80,442 jawatan kosong dari setiap bahagian kerajaan dan sekarang telah mengisi 14,000 jawatan.

Sebab-sebab yang mendorong mereka untuk bekerja dengan kerajaan adalah kerana pendapatan yang tetap dan persekitaran pekerjaan yang bagus serta pelbagai elaun yang diberikan oleh kerajaan.

**<u>TERJEMAHAN CHINA PRESS</u>**

## SPA MENGAMBIL LEBIH 10 RIBU ORANG PEKERJA DALAM TEMPOH TIGA BULAN

YBhg. Tan Sri Mahmood Adam megatakan dalam tempoh tiga bulan lepas telah mengambil sebanyak 14,257 pekerja tetap dan pekerja kontrak untuk mengisi kekosongan sebanyak 80,442 jawatan dalam perkhidmatan awam.

Beliau berkata, walaupun sebanyak 1,458,679 orang memohon untuk menjadi kakitangan kerajaan dan 30,803 orang dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga, namun hanya 22,452 orang menghadiri temu duga dan 7,043 orang berjaya dilantik tetap.

Dalam tempoh tiga bulan yang lepas, sebanyak 14,257 orang berjaya dan merupakan peratusan yang paling tinggi sejak tiga tahun lepas.

Beliau mengatakan pada 13 April, sebanyak 61,853 orang memohon untuk menduduki peperiksaan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M41) dan 3,404 dikecualikan menduduki peperiksaan. Mereka yang lulus peperiksaan akan dipanggil untuk temu duga.

Manakala bagi temu duga Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, 49,152 akan dipanggil untuk menjawat 100 tempat kosong dan 1,000 simpanan pada bulan ini.

Beliau juga mengatakan bahawa S.P.A akan memberikan bantuan kewangan dan membantu anak-anak wira Lahad Datu yang terkorban untuk bekerja dengan kerajaan jika mereka memenuhi syarat.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi SPKP,juga mengatakan telah melantik 74 orang pegawai undang-undang L41 dan 62 orang telah mula berkhidmat.